

KOLOKIUUM SISWAZAH KITA

PEMBENTANGAN DERAFA AKHIR
DOKTOR FALSAFAH (PENGAJIAN ETNIK)

WIDAD MAT ALI
(P80613)

**GERAKAN SOSIAL MELALUI SABAH
SARAWAK KELUAR MALAYSIA (SSKM)
DALAM MEMAHAMI SOSIO-POLITIK
SABAH**

11 FEBRUARI 2026 (RABU)
3.00 PETANG
BILIK MESYUARAT KITA, ARAS 4,
KOLEJ KERIS MAS, UKM



Nama: Widad Mat Ali (P80613)
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Prof. Dr. Kartini Aboo Talib@Khalid
Tajuk: Gerakan Sosial melalui Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) dalam memahami Sosio-politik Sabah

Kajian ini membincangkan hubungan antara kerajaan pusat dan negeri Sabah dalam konteks pelaksanaan prinsip federalisme di Malaysia serta implikasinya terhadap perkembangan sosio-politik negeri tersebut. Fokus utama diberikan kepada pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan 20 Perkara yang menjadi asas penyertaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia. Kajian ini juga meneliti bagaimana persepsi masyarakat terhadap isu autonomi, keadilan agihan hasil, dan pembangunan seimbang membentuk wacana serta gerakan sosial di negeri ini, khususnya melalui kemunculan gerakan seperti Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis tematik terhadap data yang diperoleh daripada 100 orang responden di Sabah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial, ekonomi, dan politik. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden tidak menolak sepenuhnya konsep Persekutuan, namun menuntut reformasi terhadap hubungan pusat-negeri yang dianggap tidak seimbang. Isu ketidakseimbangan pembangunan, kelemahan pelaksanaan perjanjian, serta persepsi terhadap ketidakadilan dalam pengagihan sumber menjadi punca utama ketidakpuasan hati rakyat Sabah. Dalam masa yang sama, wujud kesedaran tinggi terhadap kepentingan mengekalkan perpaduan nasional selagi hak dan kepentingan negeri dihormati. Hasil analisis turut menunjukkan bahawa federalisme di Malaysia memerlukan pendekatan yang lebih dinamik dan adaptif terhadap keperluan negeri-negeri bukan Semenanjung. Gerakan sosial seperti SSKM dilihat bukan sekadar manifestasi penentangan politik, tetapi juga simbol perjuangan rakyat Sabah menuntut pengiktirafan dan keadilan dalam struktur federal. Kesimpulannya, pelaksanaan prinsip federalisme yang lebih inklusif, disertai dengan tadbir urus yang berintegriti dan pembangunan yang saksama, berpotensi memperkukuh kestabilan politik serta menyumbang kepada pembinaan negara bangsa yang lebih kukuh dan bersatu.